



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
(NRE)

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK PEMBANGUNAN
LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU SUNGAI MOYOG,
SABAH

27 FEBRUARI 2017 (ISNIN)

1. YAB Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog, Sabah di Tebing Sungai Putatan, Sabah hari ini.
2. Turut hadir di majlis berkenaan ialah YB Dato Sri Dr Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg. Dato Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan YBhg. Dato' Sri Ir. Hj Zulkefli bin Hassan, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).

3. Majlis pecah tanah ini merupakan satu majlis simbolik yang menandakan permulaan kerja-kerja pembinaan bagi **Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Moyog, Sabah** di bawah **Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11)** dengan kos yang diluluskan sebanyak **RM281 juta** untuk dilaksanakan secara berpakej.
4. Kerja-kerja pembinaan bagi pelaksanaan Pakej 1 telah bermula secara rasmi pada **21 November 2016** untuk disiapkan dalam tempoh **Tiga Puluh Enam [36] bulan**. Manakala Pakej 3 dijangka akan bermula pada bulan **April 2017**.
5. Dalam Rolling Plan Kedua (RP2) sebanyak **13 projek utama baru** telah diluluskan dengan kos projek berjumlah **RM347.3 juta** dan **13 projek utama sambungan** berjumlah **RM552.3 juta**. Ini menjadikan jumlah kos projek keseluruhan bagi Negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) adalah berjumlah **RM899.6 juta** merangkumi **26** projek untuk dilaksanakan dalam tempoh 2016 sehingga tahun 2020 yang melibatkan pelbagai Jabatan dan Agensi di bawah kementerian. Peruntukan tahun 2017 bagi negeri Sabah adalah sebanyak **RM96.2 juta**.
6. Di samping itu, sebanyak **RM2 juta** telah diperuntukkan bagi kerja-kerja segera pemuliharaan sungai yang berbentuk 'touch-point' yang memberi impak langsung kepada masyarakat untuk dilaksanakan pada tahun 2017 di Negeri Sabah yang merangkumi kerja pembersihan sungai, pembaikan hakisan tebing dan sebagainya.